

**Titah Sultan: SKMM ambil kenyataan Prof Aziz Bari**  
**The Malaysian Insider**  
**17 Oktober , 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 17 Okt — Profesor Dr Abdul Aziz Bari diambil kenyataan oleh Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) pagi tadi berkaitan dengan kenyataan beliau tentang titah Sultan Selangor dalam isu pemeriksaan Gereja Methodist Damansara Utama baru-baru ini.

Menurut Aziz, kunjungan mereka ke pejabatnya berkaitan dengan satu laporan yang telah dibuat Jumaat lalu.

“Mereka ada di sini sekarang, sedang ambil kenyataan. Rasa tiada masalah. Katanya laporan terhadap saya dibuat hari Jumaat lepas,” kata Aziz pagi tadi kepada The Malaysian Insider.

Ketika dihubungi kemudian, Aziz yang juga pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA) berkata beliau dikunjungi dua pegawai SKMM iaitu Syukri Jamaludin dan Mazlan Othman.

Pegawai SKMM menemui beliau kira-kira dua jam di pejabatnya di UIA.

“Sesi berjalan dalam suasana tenang. Mereka tanya soalan berhubung peribadi dan kerjaya, dan bidang kajian saya. Mereka juga tanya soal-soal seperti telefon bimbit, kemahiran ICT saya.

“Isu utama ialah laporan MalaysiaKini itu (yang berkaitan dengan komen mengenai titah Sultan Selangor), mereka (berkata) akan siasat MalaysiaKini selepas ini - dan mereka minta saya teliti sama ada laporan itu benar saya cakap. Mereka rakam dan tulis jawapan saya,” kata beliau lagi.

Ketika ditanya mengenai laporan SKMM, Aziz berkata, “itu saya tiada maklumat, lagi pun saya tidak tanya mereka.”

Aziz berkata, sesi mengambil kenyataan memakan masa yang lama sebab ada perkara-perkara yang “saya jelaskan berkali-kali, dan ada perkara yang saya tak ingat dan tidak pasti.”

Baru-baru ini, Senator Ezam Mohd Nor menggesa agar portal berita MalaysiaKini dan Aziz disiasat dibawah Akta Hasutan 1948 atas alasan mempertikaikan titah Sultan Selangor berhubung isu pemeriksaan Gereja Methodist Damansara Utama.

Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan juga membuat aduan.

“Aziz Bari telah berlaku biadap dan derhaka kepada Institusi Raja Melayu dengan menghasut orang ramai untuk membenci institusi Raja-raja Melayu.

“Kenyataan Aziz ini dikeluarkan oleh laman portal MalaysiaKini,” kata Ezam selepas membuat laporan polis di Shah Alam.

Katanya, Aziz dan Malaysia Kini menunjukkan sikap biadap, kurang ajar, dan melampaui batas yang dipercayainya perbuatan terancang dan mempunyai agenda jahat sebaliknya.

Aziz dipetik berkata tindakan Sultan Selangor untuk campur tangan berhubung isu pemeriksaan sebuah gereja itu bukan sesuatu tindakan yang biasa terjadi.

Menurutnya, sebagai ketua agama Islam di negeri itu, baginda mempunyai hak untuk campur tangan tetapi ini perlu dijalankan selaras dengan ajaran Islam.

Beberapa Ahli Parlimen membidas Aziz kerana kenyataannya.

Datuk Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) berkata, pensyarah UIA itu wajar dikenakan tindakan kerana kenyataannya seolah-olah tidak menghormati sultan sebagai ketua agama Islam.

Datuk Shamsul Anuar Nasarah (BN-Lenggong) yang mencelah perbahasan Bung Moktar turut bersetuju bahawa tindakan perlu dikenakan terhadap Aziz kerana menyifatkan banyak kenyataan dan tulisan pensyarah itu mengelirukan rakyat selain bersifat partisan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/skmm-sedang-ambil-kenyataan-prof-aziz-bari/>